

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 26 Jun 2006

SOALAN

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan perkembangan terkini projek pusat jagaan kanak-kanak yang diumumkan pada penghujung tahun lalu. Nyatakan bagaimana projek ini akan dilaksanakan pihak-pihak terlibat dan anggaran kosnya.

JAWAPAN

Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang diumumkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada penghujung tahun 2005 adalah Taska Komuniti. Kerajaan telah meluluskan sebanyak 10 buah Taska Komuniti setiap tahun bermula dari 2006. Objektif utama program ini adalah untuk membantu ibu bapa berpendapatan rendah berdasarkan kepada kos pengasuhan bagi seorang kanak-kanak pada masa ini adalah di antara RM250.00 hingga RM400.00 sebulan. Ibu bapa yang berpendapatan di bawah RM2,000.00 sebulan di bandar dan RM 1,200.00 di luar bandar adalah layak untuk dipertimbangkan bagi mendapat subsidi sebanyak RM180.00 seorang kanak-kanak sebulan sekiranya kanak-kanak tersebut ditempatkan di mana-mana Taska Komuniti. Ibu bapa hanya diminta membayar perbezaan yuran yang dikenakan oleh pengendali Taska Komuniti tersebut. Sekiranya yuran yang dikenakan adalah RM300.00 sebulan, ibu bapa hanya perlu membayar RM120.00 sahaja kerana subsidi sebanyak RM180.00 diberi oleh Kerajaan. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan program ini di mana 10 buah Taska Komuniti telah dipilih bagi tahun 2006. Pengiktirafan akan dikeluarkan oleh Jabatan kepada Agensi/Organisasi yang mempunyai pengalaman bagi mengendalikan Taska ini supaya kualiti pengasuhan seperti yang ditetapkan di dalam Akta dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak dapat dipatuhi. Pegawai-pegawai Taska di negeri dan daerah diarah supaya memantau aktiviti Taska ini. Sekiranya perkhidmatan yang disediakan tidak memuaskan maka pengiktirafan kepada agensi/organisasi berkenaan boleh ditarik balik. Anggaran kos bagi mengendalikan Taska Komuniti tidak melebihi RM64,000.00 sebulan bagi sebuah Taska yang menerima masuk sebanyak 30 orang kanak-kanak. Kos ini boleh berubah bergantung kepada bayaran subsidi, makanan, utiliti dan peralatan. Geran Pelancaran maksima sebanyak RM55,000 boleh dipertimbangkan kepada agensi/organisasi berkenaan sekiranya diperlukan untuk pembelian peralatan dan perkakasan bagi memulakan aktiviti. Perkembangan dan prestasi terkini 10 buah Taska Komuniti yang dipilih untuk tahun 2006 adalah seperti di Lampiran A. LAMPIRAN A LAPORAN KEMAJUAN 10 BUAH TASKA KOMUNITI 2006

1. TASKA KOMUNITI KOMPLEKS PENYAYANG BAKTI SG. BULUH, SELANGOR - 21/2/06 Diberi pengiktirafan kepada Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia untuk menjalankan operasi. - 01/3/06 PPBM menyiapkan premis, menyediakan perabot dan kemudahan pengasuhan. - 01/05/06 mula beroperasi.
2. TASKA KOMUNITI KG. LIMAU, PANTAI DALAM, K.LUMPUR - 21/2/06 Pengiktirafan diberi kepada Persatuan Pengusaha Taska Wilayah Persekutuan untuk menjalankan operasi. - Pejabat Kebajikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menandatangani surat perjanjian penyerahan premis bersama DBKL pada 1/05/2006. - DBKL akan membuat ubahsuai bangunan sebelum mula beroperasi. - Jangka bermula pada 1 Julai 2006
3. TASKA KOMUNITI KAWASAN PERUMAHAN AWAM SEMENTARA KERINCHI KTM, JALAN 1/112E, PANTAI DALAM 59200 KUALA LUMPUR. - DBKL akan membuat penyerahan rasmi kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. - JKM Wilayah Persekutuan diminta mendapatkan kertas cadangan agensi/organisasi yang berminat untuk menjalankan Taska Komuniti sebelum diberi pengiktirafan. - Jangka bermula 1 Ogos 2006
4. TASKA KOMUNITI KOMPLEKS PENYAYANG DR. SITI HASMAH, KANGAR, PERLIS - PKMN Perlis diminta mengemukakan profil cadangan agensi/organisasi yang akan diberi pengiktirafan. - Jun/Julai ubahsuai bangunan kepada Taska - Jangka mula beroperasi 1 Ogos 2006
5. TASKA KOMUNITI PUSAT PEMINDAHAN BANJIR MERBAU KUDUNG, SG. DUA, BUTTERWORTH, P.PINANG - PKMN P.Pinang diminta membuat pembaikan premis iaitu tambahan bilik air, ruang makan dan dapur. - JKM Negeri diminta cadangkan profil agensi/organisasi yang sesuai untuk diberi pengiktirafan. - Jangka mula beroperasi 1 Ogos 2006
6. TASKA KOMUNITI No.6, TAMAN MAHAGONI, JALAN TANJONG BENDAHARA, ALOR SETAR, KEDAH - PKMN Kedah perlu menyediakan dokumen perjanjian sewa premis kerana ianya milik persendirian. - JKM Negeri telah diminta mengemukakan profil cadangan agensi/organisasi yang akan mengendalikan TASKA Komuniti. - Jangka mula beroperasi 1 September 2006.
7. TASKA KOMUNITI NO.16, JALAN RAJA UDANG, LARKIN JAYA, JOHOR BAHRU, JOHOR - PKMN Johor perlu menyediakan dokumen perjanjian sewa premis kerana premis milik persendirian. - JKM Negeri telah mengemukakan cadangan profil agensi/organisasi yang akan mengendalikan TASKA Komuniti. - Jangka mula beroperasi 1 September 2006.
8. TASKA KOMUNITI TAMAN SERI DUYUNG, MELAKA - PKMN Melaka

perlu menyediakan dokumen perjanjian sewa premis kerana premis milik persendirian. - JKM Melaka diminta mengemukakan cadangan profil agensi/organisasi yang akan mengendalikan TASKA Komuniti. - Jangka beroperasi pada 1 September 2006. 9. TASKA KOMUNITI KEKWA, DESA MENTARI, KG. LINDUNGAN PETALING JAYA, SELANGOR - Menunggu penyerahan rasmi premis kepada JKM Selangor. - JKM Selangor diminta membuat pengubahsuaian bangunan dan mengemukakan profil cadangan agensi/organisasi yang sesuai untuk diberi pengiktirafan mengendalikan Taska Komuniti. - Jangka mula beroperasi 1 September 2006. 10. TASKA KOMUNITI SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN - JKM Negeri telah mengemukakan cadangan premis untuk dijadikan Taska Komuniti didapati premis tidak sesuai. - JKM Negeri diminta mengemukakan semula cadangan premis dan cadangan profil agensi/organisasi yang sesuai untuk mengendalikan Taska Komuniti. - Jangka mula beroperasi pada 1 Oktober 2006 Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Encik Shahrudin bin Shar Kashim 2) Jawatan : Pegawai Pembangunan Masyarakat 3) Bahagian : Perundangan dan Advokasi, JKM 4) No. Tel : 03-26165850 Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Encik Rafek bin Reshidullah 2) Jawatan : Ketua Pengarah, JKM Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Encik Abas bin Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

